



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA  
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES MALAYSIA)  
WISMA TANI  
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62624 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8870 1373/1378

Telefax : 03-8888 6906

E-mail : [pro@mafi.gov.my](mailto:pro@mafi.gov.my) Homepage : <http://www.mafi.gov.my>

---

## **SIARAN MEDIA**

### **DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PESURUHJAYA TINGGI SINGAPURA KE MALAYSIA**

**PUTRAJAYA:** Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee hari ini menerima kunjungan hormat Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia Vanu Gopala Menon di Wisma Tani, di sini.

Turut hadir, Timbalan Menteri 1 MAFI Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid.

Pada lawatan pertama kepada Menteri MAFI itu, Vanu Gopala diiringi Setiausaha Pertama Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia Navjote Singh Sachdev.

Kedua-dua pihak membincangkan kerjasama dalam sekuriti makanan dan hubungan rapat Malaysia dan Singapura jelas terbukti semasa rantau ini dilanda wabak Covid-19.

**Turut dipersetujui pada kunjungan hormat itu adalah persidangan video antara Menteri MAFI dengan Menteri Kelestarian dan Alam Sekitar Singapura, Grace Fu yang akan diadakan dalam masa terdekat.**

**Malaysia dan Singapura mempunyai hubungan dua hala yang telah dijalin sekian lama termasuklah dalam sektor perdagangan.**

**Hubungan dua hala dalam sektor perdagangan termasuk berkaitan pertanian memihak kepada Malaysia dengan jumlah perdagangan pertanian antara kedua-dua negara adalah RM14.96 bilion pada 2019, RM14.24 bilion pada 2018, RM14.33 bilion pada 2017, dan RM13.94 bilion pada 2016.**

**Daripada jumlah perdagangan pertanian kedua-dua negara itu, Malaysia berjumlah RM8.96 bilion pada 2019, berbanding RM7.93 bilion pada 2018, RM8.29 bilion pada 2017 dan RM8.08 bilion pada 2016.**

**Disediakan oleh:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)**